



**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**  
**MALAYSIA SHIPPING NOTICE**

**NPM 07/2015**

**JABATAN LAUT MALAYSIA**  
**Marine Department of Malaysia**

Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-33467777

Fax: 03-3168 5289, 3165 2882

E-mail: [kpgr@marine.gov.my](mailto:kpgr@marine.gov.my)

Website: <http://www.marine.gov.my>

---

---

**PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN DAN PERAKUAN KECEKAPAN  
BARU MENGIKUT STCW 1978, SEPERTI PINDAAN**

---

---

**ISSUANCE OF NEW CERTIFICATE OF COMPETENCY AND CERTIFICATE OF  
PROFICIENCY IN ACCORDANCE TO STCW 1978, AS AMENDED**

---

---

**Pemakluman kepada pemilik kapal, nakhoda, pegawai-pegawai kapal, krew kapal dan  
intituisi latihan maritim**

*Notification to ship owners, masters, ship officers, ship crews and maritime training institutions*

---

1. Notis ini adalah lanjutan dari Notis Perkapalan Malaysia NPM 7/2012 yang bertujuan untuk memberi peringatan kepada semua pemegang perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh Malaysia supaya mengambil tindakan memperbaharui perakuan tersebut selaras dengan keperluan STCW 1978, seperti pindaan (Pindaan 2010).

*1. Further to the Malaysia Shipping Notice NPM 7/2012, all holders of Certificates of Competency issued by Malaysia are reminded to revalidate their Certificates in accordance to the requirements of the STCW 1978, as amended (2010 Amendments).*

2. Pelaut dinasihatkan menjalani kursus seperti yang dinyatakan dalam notis NPM 7/2012 dan seterusnya memperbaharui perakuan kekompetenan dengan kadar segera bagi mengelak kesesakan permohonan di saat akhir menjelang 1 Januari 2017.

*2. Seafarers are advised to attend the appropriate courses as prescribed in notice NPM 7/2012 before applying for new or when renewing their certificates of competency. This is to avoid any unexpected rush of applications prior to 1 January 2017.*

3. Merujuk kepada Notis Perkapalan Malaysia NPM 7/2012, keperluan sijil kecekapan *Leadership & Managerial Skill* untuk permohonan sijil kekompetenan, pelaut yang telah menduduki kursus '*Shipboard Management*' sebelum 1 Julai 2013, boleh menggunakan sijil tersebut untuk permohonan sijil kekompetenan.

*3. Referring to Malaysian Shipping Notice NPM 7/2012, with regards to the requirements of the 'Leadership & Managerial Skill' Certificate of Proficiency for application or revalidation of Certificate of Competency, seafarers who had attended 'Shipboard Management Course' before 1 July 2013, can submit their Shipboard Management Course certificate in lieu of the Leadership and Managerial Skill Certificate.*

4. Selepas dari tarikh notis ini, semua pengesahan semula perakuan kekompetenan yang tidak mematuhi keperluan STCW 1978, seperti pindaan (Pindaan 2010) akan diberi tempoh tamat sehingga 30 Jun 2016.

5. Permohonan boleh dibuat bermula dari tarikh notis ini dikeluarkan di semua pejabat laut atau secara atas talian di alamat [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

6. Keperluan STCW 1978, seperti pindaan (Pindaan 2010), mana-mana pelaut yang berkhidmat di atas kapal perlu memegang perakuan yang sewajarnya bagi jawatan:

- i. Electro-technical Officer
- ii. Able-Seafarer Deck
- iii. Able-Seafarer Engine
- iv. Electro-technical rating

Syarat-syarat kelayakan untuk perakuan di atas adalah seperti dalam Lampiran 1.

*4. Effective from the date of this notice, all application or revalidation of Certificates of Competency which do not meet the requirements of STCW 1978, as amended (2010 Amendments) will expire on 30 June 2016.*

*5. Applications can be made commencing from the date of this notice at any marine port office or via online at [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)*

*6. As per STCW 1978, as amended (2010 Amendments), seafarers engaged onboard as:*

- i. Electro-technical Officer*
- ii. Able-seafarer Deck*
- iii. Able-seafarer Engine*
- iv. Electro-technical rating*

*are required to hold the appropriate certificate. The requirements are as per Appendix 1.*

**Ketua Pengarah Laut**

*Director General of Marine*

**Tarikh / Date:** 13 Ogos 2015

Bil. / No.	Perakuan Kekompetenan/Perakuan Kecekapan <i>Certificate of Competency / Certificate of Proficiency</i>	STCW Regulation	Syarat Kelayakan / Qualifications
1	Pegawai Elektro-Teknikal		<i>Electro-Technical Officer</i>
	<p>Untuk pelaut baru:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun</li> <li>2.               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Memenuhi perkhidmatan selama 12 bulan, sekurang-kurangnya 9 bulan perkhidmatan laut dan 3 bulan perkhidmatan di bengkel sebagai sebahagian dari latihan yang diluluskan; dan buku rekod latihan; atau</li> <li>ii. 36 bulan perkhidmatan, sekurang-kurangnya 30 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan dalam bahagian injin, dan 6 bulan perkhidmatan di bengkel; dan</li> <li>iii. Menamatkan pendidikan dan latihan yang diluluskan dan memenuhi standard kekompetenan;</li> </ol> </li> <li>3. Lulus ujian lisan</li> </ol> <p>Untuk pelaut yang sedang berkhidmat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan dalam 60 bulan</li> </ol>	<p>III/6</p>	<p><i>For new seafarer:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Be not less than 18 years of age;</i></li> <li>2.           <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Have completed 12 months service, at least 9 months seagoing service and 3 months' workshop skills training as part of approved training program; and training record book; or</i></li> <li><i>ii. 36 months service, where at least 30 months approved seagoing service in engine room and 6 months' workshop skills training; and</i></li> <li><i>iii. Have completed approved education and training and meet the standard of competence;</i></li> </ol> </li> <li>3. <i>Passed oral examination</i></li> </ol> <p><i>For current serving seafarer:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Have at least 12 months approved seagoing service in preceding 60 months prior full implementation</i></li> </ol>

	<p>sebelum pelaksanaan sepenuhnya konvensyen STCW pindaan 2010; dan</p> <p>2. Lulus ujian lisan; dan</p> <p>Testimonial dari syarikat atau pegawai bertanggungjawab di atas kapal</p>		<p><i>of STCW 1978, 2010 amendments; and</i></p> <p><i>2. Passed oral examination; and</i></p> <p><i>3. Testimonial from Company or Officer in charge of the ship.</i></p>
2	Able Seafarer Deck		<i>Able Seafarer Deck</i>
	<p>Untuk pelaut baru:</p> <p>1. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;</p> <p>2. Memenuhi keperluan sebagai kelasi awasan pelayaran, STCW Peraturan II/4;</p> <p>3. Mempunyai perkhidmatan laut yang diluluskan selama:</p> <p>i. Tidak kurang daripada 18 bulan, atau</p> <p>ii. Tidak kurang daripada 12 bulan dan menamatkan latihan yang diluluskan; dan</p> <p>4. Buku Rekod latihan; dan</p> <p>5. Menamatkan pendidikan dan latihan yang diluluskan dan memenuhi standard kekompetenan</p> <p>Untuk pelaut yang sedang berkhidmat:</p> <p>1. Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan dalam 60 bulan sebelum pelaksanaan</p>	II/5	<p><i>For new seafarer:</i></p> <p><i>1. Be not less than 18 years of age;</i></p> <p><i>2. Meet the requirements for certification as a rating forming part of a navigational watch STCW Regulation II/4;</i></p> <p><i>3. Have approved seagoing service in the deck department of:</i></p> <p><i>i. not less than 18 months, or</i></p> <p><i>ii. not less than 12 months and have completed approved training; and</i></p> <p><i>4. Training record book; and</i></p> <p><i>5. Have completed the approved education and training and met the standard of competence.</i></p> <p><i>For current serving seafarer:</i></p> <p><i>1. Have at least 12 months approved seagoing service in preceding 60 months prior full implementation of STCW 1978, 2010 amendments; and</i></p>

	<p>se penuhnya konvensyen STCW pindaan 2010; dan</p> <p>2. Testimonial dari syarikat atau pegawai bertanggungjawab di atas kapal</p>		<p>2. <i>Testimonial from Company or Officer in charge of the ship.</i></p>
3	Able Seafarer Engine		<i>Able Seafarer Engine</i>
	<p>Untuk pelaut baru:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;</li> <li>2. Memenuhi keperluan sebagai kelasi pengawasan injin STCW Peraturan III/4</li> <li>3. Mempunyai perkhidmatan laut yang diluluskan selama: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak kurang dari 12 bulan, atau</li> <li>ii. Tidak kurang dari 6 bulan dan menamatkan latihan yang diluluskan;</li> </ol> </li> <li>4. Buku rekod latihan; dan</li> <li>5. Menamatkan pendidikan dan latihan yang diluluskan dan memenuhi standard kekompetenan.</li> </ol> <p>Untuk pelaut yang sedang berkhidmat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan dalam 60 bulan sebelum pelaksanaan sepenuhnya konvensyen STCW pindaan 2010; dan</li> </ol>	III/5	<p><i>For new seafarer:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Be not less than 18 years of age;</i></li> <li>2. <i>Meet the requirements for certification as a rating forming part of an engineering watch STCW Regulation III/4;</i></li> <li>3. <i>Have approved seagoing service in the engine department of:</i> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. not less than 12 months, or</i></li> <li><i>ii. not less than 6 months and have completed approved training; and</i></li> </ol> </li> <li>4. <i>Training record book</i></li> <li>5. <i>Have completed the approved education and training, and met the standard of competence</i></li> </ol> <p><i>For current serving seafarer:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Have at least 12 months approved seagoing service in preceding 60 months prior full implementation of STCW 1978, 2010 amendments; and</i></li> </ol>

	Testimonial dari syarikat atau pegawai bertanggungjawab di atas kapal		2. <i>Testimonial from Company or Officer in charge of the ship.</i>
4	Kelasi Elektro-Teknikal		<i>Electro-Technical Rating</i>
	<p>Untuk pelaut baru:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun.</li> <li>2. Menamatkan 12 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan, latihan dan pengalaman; atau</li> <li>3. Menamatkan latihan yang diluluskan dengan perkhidmatan laut selama 6 bulan yang diluluskan; atau</li> <li>4. Memenuhi kelayakan teknikal seperti jadual A-III/7 kod STCW dan mempunyai 3 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan;</li> <li>5. Memenuhi keperluan buku rekod latihan; dan</li> <li>6. Memenuhi standard kekompetenan yang ditetapkan.</li> </ol> <p>Untuk pelaut yang sedang berkhidmat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan dalam 60 bulan sebelum pelaksanaan sepenuhnya konvensyen STCW pindaan 2010; dan</li> <li>2. Testimonial dari syarikat atau pegawai bertanggungjawab di atas kapal</li> </ol>	III/7	<p><i>For new seafarer:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Be not less than 18 years of age.</i></li> <li>2. <i>Completed approved seagoing service of 12 months training and experience; or</i></li> <li>3. <i>Completed approved training including 6 months approved seagoing service; or</i></li> <li>4. <i>Meet the technical competences in Table A-III/7 of STCW Code and 3 months approved seagoing service;</i></li> <li>5. <i>Meet the training record book requirement; and</i></li> <li>6. <i>Meet the standard of competence prescribed.</i></li> </ol> <p><i>For current serving seafarer:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Have at least 12 months approved seagoing service in preceding 60 months prior full implementation of STCW 1978, 2010 amendments; and</i></li> <li>2. <i>Testimonial from Company or Officer in charge of the ship.</i></li> </ol>

